

berita

Edisi FEBRUARI 2005

# TRANSFORMASI PERTANIAN



**Destinasi Percutian Anda**



**Buah-buahan PPNJ Ke luar Negara**



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**



# Destinasi Percutian Anda

Oleh : Rohman Jasmani (Ibu Pejabat LPP)

**P**eladang Setiu Agro Resort (PSAR) di Setiu, Terengganu merupakan destinasi percutian sesuai untuk mereka yang ingin lari dari kesibukan kota. PSAR yang dimiliki oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Setiu ini terletak 89 km daripada Bandar Kuala Terengganu dan 13 km daripada Bandar Permaisuri.

Berkonsepskan pelancongan agrotourism yang menjadikan lanskap, kolam pancing, taman herba, ladang kelapa sawit, serta dusun buah-buahan campuran merupakan tarikan pengunjung ketika melawat tempat ini.

Dengan keluasan 280 hektar dan bersebelahan Hutan Simpan Gunung Tebu sesuai untuk pencinta alam semula jadi. Ketibaan pengunjung ke resort ini akan disambut dengan keindahan lanskap dan tasik-tasik yang indah dengan udara segar.

### Sejarah penubuhan

Penubuhan resort ini bermula pada 90 an lagi dan tujuan awal sekadar mengadakan sebuah ladang integrasi dengan idea menggabungkan semua aspek kegiatan pertanian di atas sebidang tanah. Ramai yang beranggapan bahawa tempat terpencil di pedalaman ini tidak ada apa-apa keistimewaan untuk menarik minat orang ramai berkunjung.

Pihak pengurusan PSAR mempunyai keyakinan tinggi bahawa ia berpotensi dimajukan untuk menjadi destinasi kunjungan yang unik dan menarik serta mempunyai kelainan berbanding tempat lain.

### Daya Tarikan

Resort yang terletak di kaki Gunung Tebu ini pastinya memberi kelainan dalam percutian anda dengan dikelilingi ladang kelapa sawit serta hutan hujan tropika yang kaya dengan keunikan flora dan fauna.

Taman Herba kami pasti memberi anda satu nilai khazanah yang tak terhingga dengan koleksi pokok herba melebihi 120 spesis seperti gajah mengawan, serapat, kacip fatimah, kerbau amuk, aji samat dan lain-lain lagi yang mempunyai khasiat tertentu dalam perubatan tradisional.

Pengunjung bukan sekadar boleh mengenal malah boleh membeli anak-anak pokok serta produk yang siap diproses. Koleksi orkid hutan juga pasti memberi dimensi baru kepada penggemar orkid di mana pelbagai spesis yang sukar dijumpai terdapat di taman herba ini.

Bagi pengunjung yang ingin meneroka keindahan hutan boleh menyertai pelbagai aktiviti seperti kembara, nite trekking, solo nite trekking dan compass matching. Bagi penggemar aktiviti lasak anda boleh mencuba flying fox, abseiling, rapelling, obstacle course, low rope activities dan high rope aktiviti yang memerlukan ketahanan mental dan fizikal.



Penggemar aktiviti air pastinya tidak lengkap kalau tidak mencuba river crossing, berkayak, dan rafting di tasik agro. Bagi kaki pancing, aktiviti memancing turut disediakan. Bagi mereka yang bernasib baik akan dapat merasakan sentapan patin, jelawat, rohu, tilapia serta keli afrika di kolam pancing.

Dusun buah-buahan seluas 20 hektar sedia menanti para pengunjung. Pengunjung akan dapat merasai keenakan buah-buahan tropika jika kena pada musimnya. Buah-buahan seperti durian, dokong, limau chukong, rambutan, manggis, salak dan macam-macam lagi boleh dinikmati terutama pada musim buah-buahan iaitu Julai hingga September setiap tahun.

Bagi peminat haiwan eksotik, Taman Mini Unggas dapat memberikan anda pengalaman baru bersama pelbagai haiwan eksotik tropika seperti kijang, burung merak, burung kuang, anab, ayam sutera dan unggas-unggas yang jarang dilihat.

### **Kemudahan**

Resort ini kini mempunyai 58 buah chalet yang unik bercirikan senibina tradisional Melayu yang unik di tambah pula dengan lokasinya di pinggir tasik pasti memberi satu ketenangan kepada penghuninya. Bilik dilengkapi dengan kemudahan penghawa dingin, televisyen, pemanas air dan kemudahan lain.

Tiga buah bilik seminar yang boleh menampung 350 orang turut disediakan bagi jabatan atau agensi mengadakan kursus. Restoran Seri Tanjung pasti akan membuka selera dengan keenakan masakan pantai timur yang popular dengan ulam-ulaman yang berkhasiat di samping pelbagai masakan lain. Food Court Agro bersebelahan tasik dengan suasana menarik dan nyaman dibuka pada petang dan malam disediakan bagi pengunjung yang cintakan kedamaian.

Kemudahan surau, kolam renang, padang sukaneka, warung nira, serta lobby shop pastinya memberi kepuasan percutian di PSAR. Bagi mereka yang sukakan survival, tapak perkhemahan turut disediakan dengan kemudahan yang selesa dan memuaskan. PSAR bukan sekadar destinasi percutian tetapi turut menyediakan prasana latihan yang lengkap bagi membantu menjayakan program-program kursus dan seminar dalam suasana penuh keriang.

Apa yang pasti kunjungan ke PSAR pasti meninggalkan kepuasan yang di cari. Keunikan dan kelainan pastinya memberikan suasana yang berbeza daripada destinasi percutian lain.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Peladang Setiu Agro Resort,  
Lot 3912, Mukim Guntung,  
22040 Setiu.

Tel: 609-6902245  
Faks: 609-6903482



**P**englibatan usahawan Melayu dalam ternakan udang berskala komersial pada masa ini masih lagi berkurangan dan lebih jelas lagi kalau dikatakan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan usahawan bukan bumiputera.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama agensi di bawahnya menggembleng peladang bumiputera bagi menarik minat kaum Melayu terus menceburi bidang pertanian, ternakan dan ternakair dengan menyediakan berbagai kemudahan dan insentif yang mampu memberi pulangan lumayan.

Menyedari berbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan, mendorong minat anak muda Encik Zulkifli bin Idris yang berusia 28 tahun pada ketika itu mula berjinak dalam mempelajari selok belok menternak udang

Pengalaman selama tiga tahun dalam ternakan udang harimau banyak membantu dan membolehkan beliau meneruskan usahanya dalam menerokai projek baru iaitu industri ternakan udang putih di atas tapak yang sama. Usaha ini mula dilaksanakan diawal tahun 2002 dengan sokongan keluarga dan bantuan serta bimbingan PPK Sg. Chenaam.

Peringkat permulaan beliau hanya membuat kerja baik pulih dan mengubahsuai dua buah kolam yang sedia ada. Setiap satu kolam yang berukuran 0.4 hingga 0.5 hektar mampu menampung 500,000 ekor anak benih udang setiap kolam sepusingan. Setahun, setiap kolam boleh menjalankan dua pusingan penternakan.

Menurut beliau projek ternakan udang putih ini jauh lebih mudah berbanding udang harimau, di mana risiko penyakit dan peratus kematian agak rendah. Udang putih ini dikatakan mempunyai daya tahan penyakit yang lebih baik disebabkan ia gemar berada di pertengahan paras air kolam.

## Tiada Jalan Mudah

Oleh : Othman Majid (Ibu Pejabat LPP)

harimau yang begitu popular dilaksanakan oleh PPK Sg.Chenaam, Pulau Pinang pada tahun 1999. Beliau yang kini telah berumah tangga dan mempunyai dua orang cahayamata melibatkan diri sepenuh masa dalam aktiviti penternakan udang.

*Encik Zulkifli Idris, usahawan udang putih.*

Memandangkan percubaan awal memberi pulangan dan menghasilkan pendapatan lumayan, usaha ini terus dikembangkan. Sehingga kini beliau mempunyai empat buah kolam yang diusahakan sepenuh masa dengan ternakan udang putih di mana setiap kolam dapat menghasilkan 3 – 4 tan udang sepusingan dengan purata jualan RM 10,000 / tan. Kesemua kolam ini diusahakan di kawasan tanah seluas lima hektar.

Pada peringkat permulaan beliau menghadapi pelbagai masalah dalam pasaran udang putih. Pengalaman semasa menternak udang harimau banyak mengajar beliau menjadi lebih bijak mengatur strategi pemasaran untuk



**Hasil udang ini akan  
dijual secara runcit atau borong  
di pasaran tempatan pada harga  
RM10.00 - RM13.00/kg.**

mendapatkan harga tinggi dipasaran. Udang putih mula dipasarkan apabila mencapai umur 90 - 120 hari. Pemungutan hasil dilakukan empat kali secara berperingkat-peringkat bertujuan untuk mengurangkan kepadatan dan meningkatkan pembesaran udang ketahap maksimum. Hasil udang akan dijual secara runcit atau borong di pasaran tempatan pada harga RM10.00 - RM13.00/kg.

Bagi beliau berada di kolam udang setiap hari amat menyeronokan, prinsipnya mudah saja "bekerja sendiri, rajin dan tidak kenal erti jemu" itulah kata hikmat yang membawa kejayaan usahawan muda ini. Tugas dari awal pagi hingga ke malam sudah menjadi perkara biasa dalam menjalankan kerja rutin mengikut jadual yang dilakukan sebanyak empat kali sehari.

Menurut beliau, jika udang diberi makanan yang mencukupi dan bersesuaian akan cepat membesar, sihat dan berkualiti. Kerja merawat kolam dengan ubatan yang tertentu dapat memastikan udang tidak dijangkiti penyakit.

Pemeriksaan terhadap bekas (tray) makanan dilakukan bagi menentukan peratus udang hidup. Sementara itu peralatan seperti paddle wheel

perlu diperiksa agar sentiasa berfungsi selama 20 jam sehari untuk meningkatkan tahap keperluan oksigen yang tinggi. Bagi beliau, setiap kerja perlu dirancang terlebih dahulu dan tiada jalan mudah untuk mencapai kejayaan.

Menurut Zulkifli, kejayaan beliau adalah hasil kerjasama dari semua pihak yang telah membantu dan membimbing beliau melalui kursus dan latihan di Lembaga Pertubuhan Peladang, PPK Sungai Chenaam, Jabatan Perikanan dan Pergerakan Belia 4B serta sokongan bantuan kredit sebagai modal pusingan. Bagi beliau, untuk menjadi seorang usahawan bukan semudah yang disangka. Sehingga kini beliau masih lagi berhadapan dengan pelbagai seperti masalah bekalan dan harga diesel yang tinggi. Kos penyelenggaraan yang semakin meningkat juga mempengaruhi pulangan terhadap projek ternakan udang putih.

Beliau juga berpandangan jauh. Baginya permintaan pasaran udang putih ini tidak akan mencukupi. Oleh itu, beliau berharap akan dapat mengembangkan lagi projek ini walaupun amat mencabar dan memerlukan sumber modal besar. Beliau juga menyeru agar lebih ramai usahawan Melayu tampil menceburi projek ini yang terbukti memberi pulangan menguntungkan.



*Perbincangan terhadap projek penting bagi memastikan ia berjalan lancar.*



dalam bidang Ekonomi Pertanian, dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2003. Sekarang beliau sedang mengikuti kursus lanjutan bahasa di Jepun sehingga bulan Februari 2006.

Pada peringkat awal iaitu pada tahun 2000, bapa beliau iaitu Haji Ghazali bin Muda, iaitu pengurus PPN Jentera, Kuala

*Encik Mohd Zamir Haji Ghazali, usahawan fertigasi.*

# Hijau Bumi Kita

Oleh : Norma Haslina binti Abd. Manan

**K**egiatan penanaman secara fertigasi sememangnya boleh memberikan pulangan yang tinggi kepada pengusaha. Ianya lebih rendah risikonya jika dibandingkan dengan tanaman yang diusahakan secara konvensional.


Tanaman fertigasi tidak memerlukan tanah sebaliknya hanya menggunakan medium tanaman yang terdiri daripada campuran serbuk kelapa yang dimesin hancur dan pembekalan nutrien dari tangki yang disalurkan mengikut formula berperingkat daripada mula ditanam hingga hasil dikeluarkan. Sistem *irrigation* automatik ini memudahkan kerja penyiraman dan pembajaan tanaman secara fertigasi.

Atas dasar memajukan pertanian secara komersial, Encik Mohd. Zamir bin Haji Ghazali dengan berani telah menceburi diri dalam bidang pertanian setelah menamatkan pengajian beliau

Terengganu telah memulakan usaha tanaman fertigasi ini secara kecil-kecilan. Bank Pertanian Malaysia telah mengeluarkan pinjaman mikro sebanyak RM20,000 apabila yakin projek tersebut berpotensi untuk dimajukan.

Mohd. Zamir yang merupakan Pengarah Urusan Syarikat GM Peladang Sdn. Bhd. mahu menjadikan projek ini sebagai pemangkin kepada kepada syarikat. Dengan sokongan tujuh orang pekerja beliau yakin projek ini mampu berdaya saing.

Pada Januari 2005, beliau telah mengambil alih Projek Perdana Fertigasi Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu sepenuhnya. Projek fertigasi yang diusahakan ialah cili, tomato dan melon. Projek yang diusahakan telah mendapat sijil SALM pada tahun 2003 berdasarkan prestasi dan pengurusan. Pengeluaran hasil bagi tiga kategori tanaman fertigasi yang diusahakan amat memberangsangkan di mana bagi setiap pokok cili yang ditanam, beliau memperolehi sehingga 4 kg. Manakala bagi pokok melon mampu mengeluarkan 3 kg dan pokok tomato 6 kg.



Gambarajah Pengairan Sistem Fertigasi

**“Hasil pengeluaran bagi tiga kategori tanaman fertigasi ini ialah cili 4 kg per pokok, melon iaitu 3kg per pokok dan tomato 6 kg per pokok.”**



*Tomato yang dihasilkan melalui kaedah fertigasi ternyata menguntungkan.*

Sumber bahan asas yang digunakan untuk mengendalikan tanaman fertigasi ini ialah Rumah Pelindung Hujan ( RPH ), sumber air, larutan baja, sistem pengairan, media tanaman, bekas tanaman, biji benih dan alat pengukur larutan. RPH ini terdapat sebanyak 42 unit dengan saiz 8' lebar x 8' tinggi x 40' panjang setiap unit.


Sumber baja diperolehi dari Syarikat Fertitrade. Baja dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori A mengandungi *Ferum* dan *Kalsium Nitrat*, manakala kategori B *Potasium Nitrat*, *Magnesium Phosphat* dan *Potosium Phosphate*. Baja ini tidak boleh dicampur serentak kerana ia akan menghasilkan tindak balas kimia. Baja disiram sebanyak 7 kali sehari selama 5 minit ( spray titis).

Bagi kaedah pengawalan serangga, pada peringkat umur pokok 10 - 90 hari ia harus disemur dengan racun *Match* dan *Diwerhoate* bagi mengelakkan ulat menyerang tanaman.

Antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh GM Peladang Sdn Bhd untuk memperkenalkan tanaman fertigasi kepada publik ialah dengan mewujudkan satu projek usahawan bimbingan di mana mereka bertindak sebagai konsultan kepada usahawan-usahawan berkenaan. Ia telah melatih seramai 20 orang usahawan di bawah projek usahawan bimbingan ini dan tujuh daripada mereka telah menceburkan diri dalam projek tanaman cili fertigasi.

Selain itu, projek bimbingan sekolah khusus bagi pemindahan teknologi dalam bidang fertigasi telah diperkenalkan kepada sekolah-sekolah menengah di Negeri Terengganu. Setakat ini, sebanyak 6 buah sekolah telah diperkenalkan dengan teknologi ini. Sekolah berkenaan ialah Sekolah Menengah Telemong, Sekolah Menengah Padang Negara, Sekolah Menengah Seri Budiman, Sekolah Menengah Tun Telanai, Sekolah Menengah Bukit Tunggul dan Sekolah Menengah Merchang.

Semua peralatan dan bahan mentah untuk mengusahakan tanaman fertigasi ini telah dibekalkan oleh GM Peladang Sdn. Bhd sepenuhnya. Mereka berusaha untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar dalam bidang pertanian agar sektor pertanian terus dikekalkan sebagai peneraju pertanian komersial.



ke dua bagi PPNJ yang sebelum itu pernah meraihnya pada 1994.

# Buah-buahan PPNJ Ke luar Negara

Oleh : Rosly Abdul Rahman

Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) melangkah lebih jauh ke hadapan dengan mengembangkan aktiviti pemasaran buah-buahan ke Hong Kong. Ini merupakan satu perkembangan yang positif ke arah memperkukuhkan lagi perniagaan dan membuktikan bahawa Pertubuhan Peladang mampu bersaing bukan sahaja di dalam negeri malah di luar negara sekalipun.

PPNJ kini diperingkat akhir rundingan dengan pihak pengimport buah-buahan yang akan dibekalkannya. Pelbagai pihak yang ditemui melahirkan keyakinan yang tinggi, PPNJ berupaya meneroka bidang baru dan mampu bersaing di peringkat global.

PPNJ didaftarkan pada 7 Julai 1971 dengan modal dibenarkan sebanyak RM50 juta diuruskan oleh anggota pengurusan yang diketuai oleh Tuan Haji Ramli Salikan sebagai Pengurus Besar. Tugas pengurusan PPNJ begitu mencabar dan menetapkan wawasan untuk menjadikan PPNJ dan Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Negeri Johor sebagai pergerakan dan badan perniagaan yang kukuh serta berdikari di samping menjadi antara pengeluar makanan utama di Negeri Johor.

Pengurusan PPNJ terus memberi perhatian dan sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dalam mengendalikan projek dan aktiviti PPNJ. Usaha berterusan sebegini telah meletakkan PPNJ dipuncak kejayaan apabila telah dianugerahkan Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) bagi Sektor Sosio Ekonomi pada 18 Disember 2003. Ini merupakan pengiktirafan kali

Berdasarkan Laporan Tahunan PPNJ 2003, Projek Perladangan Kelapa Sawit seluas 6,280 hektar merupakan sumber utama pendapatan PPNJ. Selain kelapa Sawit, tahun 2003 merupakan tahun pertama bagi PPNJ mengeluarkan bahan-bahan makanan sebagai usaha mempelbagaikan sumber pendapatan dan menyahut cabaran untuk melibatkan secara aktif dalam pengeluaran makanan negara. Sehingga kini, PPNJ telah berjaya membangunkan tanah seluas lebih 480 hektar dengan pelbagai tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.

Timbalan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Johor, Encik Ibrahim Omar ketika diwawancara berkata, hasrat PPNJ dan PPK di Negeri Johor menjadi pengeluar makanan utama akan dapat direalisasikan dengan pengwujudan lapan kawasan Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) di seluruh negeri ini.

Seluas 3,235 hektar tanah telah dikurniakan oleh Kerajaan Negeri Johor secara berperingkat mulai tahun 1997 hingga tahun 2000 kepada PPNJ dan 27 buah PPK. Tanah yang dikurniakan ini adalah berstatus pajakan 30 tahun dengan syarat gran tanah tersebut khusus untuk tanaman jenis kontan atau tanaman jangka pendek.

Berdasarkan kepada laporan kesesuaian tanah yang disediakan oleh Jabatan Pertanian Air Hitam, Johor, hanya seluas 2,235 hektar atau 69.09 peratus dari keseluruhan kawasan ZPM boleh dibangunkan berbanding jumlah keseluruhan tanah yang dikurniakan.

Daripada jumlah keluasan yang boleh dibangunkan, hanya 793 hektar atau 35.4 peratus telah dibangunkan sehingga pertengahan tahun 2004 dengan pelbagai tanaman. Terdapat tiga kaedah pembangunan tanah telah dilaksanakan bagi membangunkan tanah-tanah tersebut:

- i. Pembangunan oleh PP sendiri secara korporat.
- ii. Pembangunan oleh ahli PPK atau usahawan peladang.
- iii. Pembangunan oleh swasta melalui penyewaan tanah.

Jenis tanaman buah-buahan dan keluasan yang dikomersialkan oleh PPNJ

Jenis Tanaman	Keluasan (ha)
Ubi Kayu	162
Jambu Air	17
Jambu Batu	42
Pulasan	32
Longan	6
Pisang	116
Nangka	40
Nenas	326
Betik	20
Jagong	6
Lain-lain	28
Jumlah	793

Menurut Encik Ibrahim lagi, hasil pengeluaran buah-buahan daripada kawasan ZPM akan menjadi sumber bekalan PPNJ untuk pasaran eksport. Walau bagaimanapun, untuk peringkat awal ini PPNJ hanya menumpukan kepada jenis buah-buahan tertentu sahaja.

Bagi memastikan kawasan ZPM ini dapat dibangunkan dengan jayanya oleh PPK, PPNJ telah memperkenalkan Skim Kredit Ladang Terselia (SKLT) buah-buahan. Skim ini ditawarkan kepada PPK yang berminat untuk mendapatkan kemudahan kredit bagi membiayai projek buah-buahnya.

Penglibatan PPNJ dalam pembangunan ekonomi dan sosial ahli tetap diberikan keutamaan. Sebanyak RM14.2 juta telah disediakan sebagai modal kerja ahli termasuk SKLT buah-buahan.

Menurut Encik Ahmad Bajuri bin Sarib, Pemangku Eksekutif SKLT buah-buahan, skim ini baru sahaja diperkenalkan dalam tahun 2004. Sebelum ini SKLT hanya diwujudkan untuk pembiayaan projek kelapa sawit dan projek ayam daging sahaja.

SKLT buah-buahan merupakan program perkhidmatan pinjaman bagi membantu dan meningkatkan hasil

*Antara buah-buahan yang dihasilkan di ZPM melalui program SKLT.*

pendapatan dengan memberi perhatian terhadap kualiti dan kuantiti buah-buahan yang ditanam.

Tujuan SKLT buah-buahan diwujudkan adalah :

- i. Memberi perkhidmatan kredit terselia kepada PPK dan ahli individu.
- ii. Memberi perkhidmatan pengurusan projek yang profesional kepada PPK dan ahli peladang.
- iii. Untuk membolehkan PPNJ terlibat dalam pasaran buah-buahan di dalam dan di luar negara.
- iv. Sebagai persediaan PPNJ bagi mendapatkan bekalan buah-buahan untuk diproses dalam projek pemasaran makanan dan buah-buahan.
- v. Untuk menggunakan faktor pengeluaran yang terhad seperti tanah ke tahap yang paling maksimum ke arah peningkatan daya dan mutu pengeluaran buah-buahan melalui teknologi terkini.
- vi. Memperkenalkan sistem urusan ladang yang seragam, cekap dan berkesan bagi meningkatkan produktiviti.
- vii. Bagi membantu ke arah mempercepatkan pelaksanaan program mengaktifkan unit peladang selaras dengan pembangunan peladang-peladang di Pertubuhan Peladang.



PPK boleh mendapatkan kemudahan di bawah SKLT bagi perkhidmatan kredit:

- i. Input pertanian.
- ii. Alat-alat pertanian.
- iii. Bayaran pembinaan infrastruktur ladang.

PPNJ menghadkan tempoh pinjaman kepada PPK untuk input pertanian dan alat pertanian selama 4 bulan, manakala bagi kemudahan bayaran infrastruktur selama antara 6 hingga 8 bulan.

Jenis-jenis tanaman buah-buahan yang diberi tumpuan di bawah SKLT seperti jambu batu, belimbing (B10, B17), jambu air, limau madu, betik esotika dan nangka (CJ3, CJ6, Mastura). Jenis-jenis buah-buahan ini menurut sumber PPNJ mempunyai potensi untuk dipasarkan di dalam dan luar negara.

Salah satu dari tiga kawasan yang mendapat kemudahan SKLT ialah projek Perdana Dusun Penawar, PPK Penggerang. Dua lagi kawasan ialah ZPM Chempelak dan ZPM Bukit Mambai.

Projek Perdana Dusun Penawar seluas 20 hektar diusahakan dengan tanaman belimbing, jambu air, limau madu dan durian.


Menjawab pertanyaan tentang perkhidmatan yang diberikan oleh PPNJ, Encik Yahya bin Gono, Pengurus Projek PPK Penggerang berkata, PPNJ sentiasa sedia membantu PPK yang memerlukan perkhidmatannya. PPNJ juga membeli hasil keluaran Dusun Penawar dengan harga yang lebih tinggi berbanding pemborong tempatan. Beliau menambah, PPNJ membeli belimbing dengan harga RM1.80 sekilogram berbanding pemborong tempatan diantara RM1.40 – RM1.60 mengikut gred. Pada masa ini buah-buahan yang dibeli daripada PPK dipasarkan kepada pemborong tempatan disamping usaha untuk menembusi pasaran luar negara.

*Jagung dan ubi kayu antara tanaman yang diusahakan oleh PPNJ untuk pasaran luar negara.*

PPNJ juga kini dalam proses membina sebuah kilang memproses buah-buahan untuk dijadikan puree dan jus. Pembinaan kilang ini mendapat sokongan kewangan sebahagiannya daripada LPP dan sebahagiannya lagi ditanggung oleh PPNJ.

Pembinaan kilang dijangka bermula pada tahun 2005 dan mampu memproses hasil pengeluaran buah-buahan seluruh negeri Johor pada masa hadapan.

Menjadi harapan PPNJ agar semua perancangan yang diatur rapi dalam membangunkan kawasan ZPM dan memperkenalkan SKLT akan dapat meningkatkan hasil keluaran buah-buahan dan seterusnya mengeksport ke luar negara.



**I**nput pertanian merupakan asas dalam tumbesaran tanaman dan peningkatan hasil. Keperluan ini menjadi keutamaan kepada petani dalam mengusahakan sesuatu projek pertanian yang memerlukan bekalan berterusan.

Atas kepentingan ini, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah mengambil inisiatif menjadi pembekal input pertanian kepada petani secara berterusan. Pembekalan input pertanian menjadi aktiviti utama dan teras kepada PPN dan dilaksanakan secara bersepadu pada tahun 2003. Melalui sistem ini semua input pertanian seperti racun rumpai, serangga atau kulat, baja,

Kejayaan ini adalah hasil usaha pihak PPN yang berani mencuba pendekatan baru dalam membekalkan input pertanian yang sebelum ini dikuasai oleh peruncit dan seringkali memanipulasikan harga. Penguasaan syer pasaran dapat ditingkatkan kepada peratusan yang lebih tinggi dan mengukuhkan gerakan tiga peringkat PP serta mempunyai kuasa tawar menawar. PPN menggunakan sepenuhnya rangkaian pemasaran pertubuhan peladang yang terdiri daripada NAFAS, PPN, PPK, dan juga ahli PPK.

Sebelum program input pertanian secara bersepadu dilaksanakan, tiada keseragaman dari segi pelaksanaan dan harga yang ditawarkan. Oleh itu timbul rungutan atau aduan mengenai harga input pertanian lebih mahal yang dijual oleh PPK berbanding peruncit tempatan. Keadaan ini menyebabkan harga barangan tersebut menjadi tidak stabil dan berbeza dari satu kawasan

# Input Pertanian Bersepadu

## Meningkat Daya Saing Pengeluaran Pertanian

*Oleh Azizan bin Hj Othman*

benih padi dan keperluan berkaitan ladang akan diuruskan secara berpusat oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Bekalan input pertanian diperolehi oleh PPN daripada NAFAS melalui konsep satu entiti yang bertujuan memastikan ahli-ahli mendapat bekalan input pertanian yang berkualiti dan pada kadar harga yang kompetitif.

Peningkatan bilangan saiz dan projek-projek pertanian yang diusahakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Negeri Kedah, penambahan penglibatan ahli dan kepelbagaian jenis projek yang diwujudkan memerlukan satu sistem pembekalan input pertanian yang lebih cekap dan berkesan di semua peringkat PP. Keupayaan PPN sebagai perintis dan peneraju pembekalan input pertanian secara bersepadu membolehkan ahli peladang mendapat manfaat yang berterusan.

berbanding kawasan lain. Bagi memastikan penawaran harga yang kompetitif, PPN membuat pesanan produk dengan kuantiti yang besar bagi mendapat faedah diskaun kuantiti dan juga rebate atas langganan. Dengan pelaksanaan program ini ahli PPK mendapat harga yang lebih baik dan sekaligus berupaya menarik ahli-ahli membuat pembelian secara tunai.

Untuk membiayai input pertanian secara kredit, ahli PPK mendapat kemudahan kredit daripada

*Antara input pertanian yang dijual oleh PPN Kedah.*



kumpulan wang pinjaman pertubuhan peladang (K3P) dan pembayaran balik dibuat setelah projek pertanian mereka mengeluarkan hasil. Melalui program ini, 60 peratus peruntukan K3P yang disalurkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang akan digunakan untuk pembiayaan input pertanian manakala selebihnya bagi pembiayaan kejenteraan ladang.

Pada tahun 2004 margin jualan input pertanian oleh PPN sebanyak RM2,158,475.77 manakala keuntungan yang diperolehi ialah RM74,719.14. PPK Langkawi merupakan pelanggan utama PPN dengan urusan mencapai RM331,207.30 dan diikuti oleh PPK Kubur Panjang sebanyak RM236,014.20. PPK Kuala Nerang juga berada dikelompok atas berbanding PPK lain di Negeri Kedah dengan urusan mencapai berjumlah RM214,210.49.

Selain PPK, input pertanian juga dilanggan oleh peladang individu, ladang PPN, NAFAS Jentera dan Jabatan Parit dan Saliran Negeri Kedah. Walaupun jumlah ini kecil iaitu sebanyak RM101,366.50 berbanding langganan yang dibuat oleh PPK, keupayaan PPN melebarkan perniagaan amat membanggakan. Bagi memenuhi permintaan dan meluaskan pasaran, pemilihan input pertanian oleh PPN berasaskan kepada beberapa faktor seperti produk yang biasa digunakan ahli, komoditi terpilih dan permintaan kawasan. PPN juga menganjurkan seminar, bengkel dan kursus kepada ahli PPK mengenai penggunaan input pertanian secara betul dan juga menjalankan projek contoh (try plot) apabila produk baru diperkenalkan dipasaran.

Permintaan terhadap racun serangga, rumpai atau kulat, baja dan benih padi begitu ketara apabila musim penanaman padi bermula. Kedai Peladang atau kedai input pertanian yang terletak berhampiran PPK menjadi tumpuan petani untuk mendapatkan bekalan. Benih padi diperolehi daripada Jabatan Pertanian, Pusat Pengeluaran Benih Padi Teluk Chengai dan pembekal dari luar Negeri Kedah. Bagi input pertanian yang tidak dikeluarkan atau diedarkan oleh NAFAS, pihak PPN akan berunding dengan pembekal atau pengilang lain untuk mendapatkan produk yang diperlukan dengan harga yang terbaik.

Pada keseluruhannya program input pertanian secara bersepadu yang dilaksanakan oleh PPN Kedah memberi banyak kemudahan dan manfaat kepada ahli PPK. Bagi memastikan program ini berjalan lancar dan berkesan, kerjasama yang berterusan antara NAFAS, PPN dan PPK perlu diperkukuhkan.

Ahli PPK pula menggunakan hak mereka sebagai pengguna dan menyokong program ini dengan menggunakan sepenuhnya input pertanian yang dibekalkan oleh PPK secara berterusan.



*Penaung*

**Y. Bhg. Dato' Nozir Ahmad bin Hussain**

*Penasihat*

**Aziz bin Abu Seman**

*Ketua Pengarang*

**Mohd. Rosli bin Harun**

*Pengarang*

**Rosly bin Abd. Rahman**

**Saat bin Mohamad Tan**

**Azizan bin Othman**

**Rohman bin Jasmani**

**Sarimah bt Nordin**

**Mohd. Yusof bin Abd. Jalil**

**Norma Haslina bt Abd. Manan**

**Rosli bin Yaakub**

**Othman bin Majid**

**Mazuan bin Panjang Ali**

*Grafik/Illustrator*

**Rohman bin Jasmani**

*Fotografi*

**Ishak bin Abd. Rahman**

*Pengedaran*

**Zulkifle bin Mat**

**Abu Hassan bin Abd. Aziz**

*Diterbitkan Oleh:*

**Unit Produksi Media,  
Bahagian Hal Ehwal Korporat,  
Lembaga Pertubuhan Peladang,  
Blok C Utara, Pusat Bandar Damansara,  
Bukit Damansara,  
50990 Kuala Lumpur.**

*Dengan Kerjasama:*

**Bahagian LPP Ibu Pejabat, LPP Negeri dan  
Pertubuhan Peladang.**